

Pelaporan kewangan menerusi internet: persektif teori kontingensi

Mohd Noor Azli bin Ali Khan

Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Teknologi Malaysia
mnazli@yahoo.com

Noor Azizi bin Ismail

Kolej Perniagaan (Perakaunan)
Universiti Utara Malaysia
azizi833@uum.edu.my

Abstrak

Penyelidikan terhadap pelaporan kewangan menerusi Internet (PKMI) merupakan satu bidang yang amat penting untuk diselidiki. Hasil penelitian ulasan karya lepas menunjukkan bahawa penyelidikan PKMI boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama: kajian satu negara, kajian beberapa negara dan kajian peringkat antarabangsa. Secara metodologi pula, penyelidikan PKMI boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan, iaitu: kajian deskriptif, kajian perbandingan dan kajian penerokaan. Artikel ini cuba mengkaji berkemungkinan bahawa faktor kontingensi boleh dilihat sebagai salah satu faktor penentu yang mempengaruhi praktis PKMI oleh syarikat. Antara faktor kontingensi yang dijangka mempengaruhi praktis PKMI ialah risiko, teknologi dan strategi pelaporan. Model kontingensi sistem pelaporan kewangan korporat sepertimana diutarakan oleh Thomas (1991) digunakan sebagai asas untuk mencadangkan kerangka kerja penyelidikan yang berkaitan PKMI. Justeru, selain karakter spesifik syarikat, faktor kontingensi dilihat turut berupaya mempengaruhi praktis PKMI dan ini memerlukan pembuktian secara empirikal.

Kata kunci: faktor kontingensi, karakter spesifik syarikat dan pelaporan kewangan menerusi Internet

Pengenalan

Penularan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi turut mempengaruhi dunia perniagaan yang semakin berkembang pesat. Senario ini berkemungkinan menjadi petunjuk atau isyarat kepada perubahan medium penyampaian maklumat kepada para pengguna maklumat perakaunan. Ini secara tidak langsung membuatkan pelaporan kewangan menjadi keutamaan kepada bidang yang berkaitan pelaporan Internet.

Kualiti pelaporan kewangan menerusi Internet (selepas ini dikenali sebagai PKMI) dan ciri-ciri syarikat yang dijangka mempunyai hubungan dengan praktis PKMI oleh syarikat yang tersenarai menjadi isu yang penting untuk diselidiki (Ali Khan dan Ismail, 2006; Bonson dan Escobar, 2006). Malahan, Institut Jawatankuasa Audit Malaysia menyarankan bahawa wujud keperluan syarikat awam di Malaysia untuk membina laman web syarikat bagi menyalurkan maklumat perniagaan kepada pengguna (The Star, 13 Mei 2009). Justeru, kajian dalam bidang ini penting kerana Internet berfungsi sebagai medium komunikasi yang semakin meluas penggunaannya (Xiao, *et al.*, 2002). Keadaan ini bersesuaian dengan kelebihan kandungan laman web yang bersifat dinamik (Khadaroo, 2005) dan menjadi medium komunikasi yang

sangat unik (Huizingh, 2000; Ettredge, *et al.*, 2001). Perkembangan teknologi Internet juga turut mempengaruhi perubahan persekitaran PKMI. Sejalan dengan penggunaan Internet yang semakin berkembang, perubahan persekitaran PKMI memerlukan pembuktian penilaian semasa dan analisis yang meluas bagi praktis pelaporan (Kelton dan Yang, 2008).

Isu yang cuba diutarakan dalam artikel ini ialah faktor kontingensi merupakan salah satu faktor penentu yang berupaya mempengaruhi praktis PKMI dan memerlukan pembuktian secara empirikal. Teori kontingensi mencadangkan bahawa pemilihan sistem perakaunan dalaman dan praktis pelaporan kewangan korporat (termasuklah pelaporan Internet) oleh pihak pengurusan adalah bergantung kepada perbezaan desakan sesuatu entiti (Rayburn dan Rayburn, 1991; Thomas, 1991). Penyelidik berpendapat bahawa dalam pembentukan model penyelidikan berkaitan pelaporan Internet, penekanan dari sudut teori kontingensi perlu diberikan.

Justeru, artikel ini membincangkan sorotan literatur berkaitan pengklasifikasian PKMI, definisi PKMI dan persektif kontingensi, disusuli perbincangan mengenai model kontingensi sistem pelaporan kewangan korporat sepertimana yang dicadangkan oleh Thomas (1991). Seterusnya, perbincangan dan hala tuju untuk kajian pada masa akan datang turut dikemukakan.

Pengklasifikasian penyelidikan PKMI

Dari segi ulasan karya lepas berkaitan pelaporan perniagaan dan kewangan berasaskan web, FASB (2000) merumuskan bahawa sinopsis kajian lalu boleh diringkaskan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama menjuruskan kepada kajian yang melaporkan dapatan berbentuk kajian umum statistik deskriptif. Bahagian kedua pula lebih tertumpu kepada ringkasan kajian yang cuba melihat di sebalik angka statistik, sekaligus mendedahkan sama ada wujud perbezaan pelaporan berasaskan web mempunyai hubungan dengan ciri-ciri syarikat seperti saiz syarikat.

Sorotan literatur PKMI boleh dibahagikan kepada dua tema, iaitu: (1) kajian secara deskriptif yang menerangkan latar belakang secara umum mengenai keadaan semasa mengenai PKMI, dan (2) kajian yang cuba untuk mengenal pasti faktor penentu yang mempunyai hubungan dengan perbezaan antara laman web syarikat (Hassan, *et al.*, 1999; Joshi dan Al-Modhahki, 2003; Marston dan Polei, 2004). Joshi dan Al-Modhahki (2003) menjelaskan bahawa kajian dalam tema yang pertama termasuklah antara kajian awal yang dilakukan oleh Petravick dan Gillet (1996), Gowthorpe dan Flynn (1997), Lymer dan Tallberg (1997), dan Louwers *et al.*, (1996). Kajian tersebut lebih terarah kepada keadaan dan lanjutan bagi PKMI di laman web korporat syarikat di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Finland, Eropah, Ireland dan Australia.

Joshi dan Al-Modhahki (2003) merumuskan bahawa bagi tema pertama, majoriti syarikat di negara maju mempunyai laman web korporat yang mengandungi pelbagai maklumat kewangan yang lengkap dan terperinci. Syarikat di negara maju menggunakan teknologi komunikasi yang terkini bagi pelaporan kewangan korporat disebabkan oleh ciri paparan yang unik dan kelebihan yang ditawarkan oleh Internet. Manakala, bagi tema yang kedua, Joshi dan Al-Modhahki (2003) menyatakan bahawa kajian PKMI lebih menjurus kepada mengenal pasti penentu bagi polisi firma yang menggunakan Internet bagi tujuan pelaporan kewangan syarikat. Kajian awal dalam tema ini ialah seperti Flynn dan Gowthorpe (1997), Marston dan Leow (1998), Craven dan Marston (1999) dan Joshi dan Al-Bastaki (2000). Berdasarkan kepada tema kedua, Joshi dan Al-Modhahki (2003) menyimpulkan bahawa berasaskan kepada

ciri paparan yang unik dan kelebihan yang ditawarkan oleh Internet, syarikat secara intensif menggunakan Internet untuk melaporkan maklumat kewangan bagi tujuan pelaporan kewangan dan hubungan dengan pelabur. Tambahan pula, persekitaran pelaporan di negara tempat bermaustatin dan lain-lain ciri demografi firma yang spesifik cenderung kepada mempengaruhi sesuatu praktis pelaporan.

Ringkasan bagi beberapa kajian terpilih secara deskriptif berkaitan PKMI dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Beberapa kajian terpilih berkaitan Pelaporan Kewangan Menerusi Internet

Penyelidik (Tahun)	Skop	Laman web*	Akaun Penuh**
Petravick dan Gillet (1996)	US, Top 150 Fortune 500	69%	31%
Louwers <i>et al.</i> (1996)	US, Top 150 Fortune 500	65%	23%
Gray dan Debrecey (1997)	US, Fortune Industrial-50	98%	36%
Lymer dan Tallberg (1997)	Finland, Helsinki S.E. 72	90%	11%
Flynn dan Gowthorpe (1997)	Top 100 Fortune Global-500	89%	39%
Craven dan Marston (1999)	UK, Top 200	74%	33%
Molero <i>et al.</i> (1999)	Sepanyol, Ibex 35	83%	37%
Molero <i>et al.</i> (1999)	Sepanyol, Madrid S.E. 215	45%	10%
Heldin (1999)	Sweden, Stockolm S.E. 60	98%	83%
Gowthorpe dan Amat (1999)	Sepanyol, Madrid S.E. 379	19%	5%
Lymer <i>et al.</i> (1999)	22 negara, 660 syarikat	86%	20%
Pirchegger dan Wagenhofer (1999)	Austria, Viena S.E. 32	88%	84%
Deller <i>et al.</i> (1999)	Jerman, DAX 100; UK, FTSE 100; US, SdanP 100	Jerman 76%; UK 85%; US 95%	Jerman 30%; UK 43%; US 84%
Trites (1999)	US-Canada, NY-T-NASDAQ 370	69%	19%
Hassan <i>et al.</i> (1999)	Malaysia, 247 BSKL	36%	46%
Joshi dan Al-Bastaki (2000)	Bahrain, 35 Banks	62.9%	72.8%
FASB (2000)	USA, 100 Fortune 500	99%	63%
Gandia (2001)	Sepanyol, IBEX 35	97%	56%
Marston (2003)	Jepun, 99 syarikat	92%	58%
Oyelere <i>et al.</i> (2003)	New Zealand, 229 NZSE	53.7%	37.8%
Barac (2004)	Afrika Selatan, 100 syarikat	87%	86%
Pervan (2005)	Crotia, 38 syarikat	53.6%	39.4%
Sortur (2006)	India, 32 syarikat	100%	93.75%

* syarikat yang mempunyai laman web

** syarikat yang melaporkan maklumat kewangan

Oyelere *et al.*, (2003) mengkategorikan sorotan literatur PKMI kepada tiga tema, iaitu: (1) faedah PKMI, spekulasi pada masa hadapan dan pengumuman profesional berkaitan PKMI, (2) kajian tinjauan bagi praktis PKMI bagi satu negara dan perbandingan antara pelbagai negara, dan (3) kriteria korporat yang mempunyai hubungan dengan pemilihan PKMI. Abdul Hamid dan Md Salleh (2005) pula menyatakan bidang kajian PKMI boleh dikelaskan kepada dua bahagian iaitu kajian deskriptif dan kajian penerokaan. Pervan (2005) dalam kajian beliau

mengenai PKMI telah mengklasifikasikannya kepada tiga kategori, iaitu: (1) kajian ke atas aplikasi praktikal PKMI bagi sesebuah negara, (2) kajian secara perbandingan yang meliputi beberapa negara, dan (3) kajian ke atas faktor penentu yang mempengaruhi PKMI. Tambahan lagi, Pervan (2006) menyatakan klasifikasi kajian lepas mengenai PKMI boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu kajian deskriptif, kajian perbandingan dan kajian penerokaan. Manakala, Beattie dan Pratt (2003) menjelaskan bahawa kajian PKMI bersifat kajian satu negara, kajian perbandingan antara beberapa negara dan kajian di peringkat global.

Sorotan literatur dalam bidang PKMI boleh dibezakan penyelidikannya berasaskan tiga kategori iaitu kajian satu negara, kajian lebih daripada satu negara dan kajian antarabangsa (Celik *et al* 2006). Namun begitu, Bonson dan Escobar (2006) meneliti kajian lepas mengenai PKMI lebih memfokus kepada dua bahagian iaitu pertama, kajian yang dilakukan oleh badan profesional perakaunan seperti ICAEW, IASB, CICA dan FASB. Kedua, kajian berkaitan PKMI yang dijalankan oleh ahli akademik.

Hasil daripada pengklasifikasian tema penyelidikan dalam bidang PKMI (lihat Hassan *et al* 1999; Beattie dan Pratt, 2003; Joshi dan Al-Modhahki, 2003; Oyelere *et al.*, 2003; Marston dan Polei, 2004; Abdul Hamid dan Md Salleh, 2005; Pervan, 2005; Pervan, 2006; Celik *et al* 2006; Bonson dan Escobar, 2006), penyelidik berpendapat bahawa sorotan literatur PKMI boleh dibahagikan kepada dua tema utama, iaitu: (1) kajian mengenai praktis PKMI yang melibatkan satu negara atau beberapa negara, sama ada dilakukan oleh ahli akademik atau badan profesional, dan (2) kajian yang membincangkan ciri-ciri korporat yang mempunyai hubungan dengan pemilihan penggunaan PKMI.

Definisi

Terdapat pelbagai definisi dalam penyelidikan PKMI yang digunakan di kalangan penyelidik (Ashbaugh, *et al.*, 1999; Craven dan Marston, 1999; FASB, 2000; Oyelere *et al.*, 2003; Mohamad, *et al.*, 2003; Haniffa dan Ab. Rashid, 2005; Chan dan Wickramasinghe, 2006; Momany dan Al-Shorman, 2006). Menurut Ashbaugh *et al.*, (1999), sesebuah syarikat dikatakan melaksanakan PKMI sekiranya: (1) laman web syarikat digunakan untuk melaporkan penyata kewangan yang komprehensif termasuk nota kaki dan laporan audit; (2) mempunyai sambungan ke laporan tahunan syarikat melalui Internet atau, (3) satu sambungan ke sistem *U.S. Security and Exchange Commission's (SEC) dan Electronic Data Gathering, Analysis and Retrieval (EDGAR)*. Craven dan Marston (1999) pula menggunakan laporan tahunan yang terperinci dan sebahagian atau ringkasan laporan tahunan sebagai pengukuran bagi PKMI. Manakala, FASB (2000) mendefinisikan praktis menerusi Internet sebagai kaedah bagi operasi, teknik, dan praktis lain yang direka bagi memaksimumkan penggunaan keupayaan laman web untuk menyalurkan maklumat perniagaan.

Oyelere *et al.*, (2003), Mohamad *et al.*, (2003), dan Momany dan Al-Shorman (2006) menjelaskan bahawa syarikat yang mengamalkan PKMI merangkumi syarikat yang melaporkan: (1) penyata kewangan secara menyeluruh, termasuk nota kaki; (2) sebahagian daripada penyata kewangan dan/atau; (3) maklumat kewangan penting seperti ringkasan penyata kewangan dalam laman web syarikat. Haniffa dan Ab. Rashid (2005) pula mendefinisikan syarikat yang mengamalkan PKMI sebagai firma yang memuatkan laporan tahunan terkini atau yang menyediakan pautan kepada laman web Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Manakala, Chan dan Wickramasinghe (2006) mentakrifkan syarikat yang mengamalkan PKMI sebagai syarikat yang melaporkan penyata kewangan yang komprehensif (termasuk nota kaki dan laporan tahunan) atau mempunyai sambungan ke laporan tahunan syarikat menerusi Internet.

Konklusinya, terdapat pelbagai definisi yang digunakan di kalangan penyelidik untuk mewakili maksud PKMI. Walaubagaimanapun, kebanyakan penyelidik memasukkan set komprehensif penyata kewangan dan penyata kewangan penting yang dipetik daripada laporan tahunan di laman web syarikat bagi melayakkan sesebuah syarikat dikategorikan sebagai syarikat yang mempraktikkan PKMI.

Perspektif kontingensi

Teori kontingensi yang mula diperkenalkan oleh Lawrence dan Lorsch (1967) dan kemudiannya diguna pakai oleh Kast dan Rosenzweig (1973) yang menyatakan bahawa tiada satu cara yang terbaik untuk mencapai dan perlu sepadan dengan faktor organisasi dan persekitaran untuk memperoleh prestasi yang baik bagi sesebuah organisasi. Xiao *et al.*, (1997) menjelaskan bahawa perspektif kontingensi adalah setanding (*analogous*) dengan teori kontingensi bagi organisasi. Walau bagaimanapun, tiada tanpa kritikan tersendiri (Schoonhoven, 1981), teori ini kelihatan sebagai penggabungan dan kerangka kerja umum, dan menduduki kedudukan yang penting di kalangan teori organisasi moden (Ford *et al.*, 1988). Xiao *et al.*, (1997) menyatakan bahawa perspektif kontingensi mempunyai prinsip umum termasuklah: (1) tiada satu cara yang terbaik untuk mengurus (Galbraith, 1973), (2) walau apa cara pun pengurusan, ianya tidak sama keberkesannya (Galbraith, 1973), dan (3) cara terbaik untuk mengurus bergantung kepada keadaan persekitaran sesebuah organisasi (Galbraith, 1973; Lawrence dan Lorsch, 1967; Scott, 1987).

Dalam konteks perakaunan, teori kontingensi adalah berasaskan premis bahawa secara umumnya tiada satu sistem perakaunan yang sesuai diaplikasikan secara saksama kepada semua organisasi dalam sebarang keadaan (Rayburn dan Rayburn, 1991). Teori kontingensi merupakan suatu teori yang sesuai diguna pakai dalam kajian yang berkaitan reka bentuk, perancangan, prestasi dan kelakuan organisasi serta kajian yang berkaitan pengurusan strategik (Sari *et al.*, 2006). Tambahan lagi, menurut teori ini keberkesanan organisasi merupakan hasil daripada kesesuaian atau kepadanan antara ciri-ciri organisasi, seperti struktur organisasi dengan faktor-faktor kontingensi yang menggambarkan persekitaran sesebuah organisasi (Donaldson, 2000).

Struktur kontingensi berkemungkinan menyediakan pendekatan yang lebih holistik untuk membina sistem perakaunan pengurusan (Rayburn dan Rayburn, 1991). Rayburn dan Rayburn (1991) menjelaskan lagi bahawa teori kontingensi mencadangkan bahawa pemilihan pihak pengurusan bagi sistem perakaunan dalaman adalah bergantung kepada perbezaan desakan sesuatu entiti. Pemboleh ubah kontingensi yang sering digunakan dalam bidang ini (Gordon dan Miller, 1976; Hayes, 1977; Waterhouse dan Tiessen, 1978) ialah atribut organisasi, persekitaran, teknologi dan cara pembuatan keputusan. Chenhall (2003) menyatakan pemboleh ubah kontingensi yang terkandung dalam penyelidikan berasaskan kontingensi berkenaan sistem kawalan pengurusan terdiri daripada persekitaran, teknologi, saiz, struktur, strategi dan budaya tempatan.

Dalam konteks sistem maklumat, Weill dan Olson (1989) menyimpulkan bahawa penyelidikan dalam bidang Sistem Maklumat Pengurusan (*Management Information Systems @ MIS*) mempunyai pemboleh ubah kontingensi, iaitu: strategi, struktur, saiz, persekitaran, teknologi, tugas dan karakter individu. Manakala, Tosi dan Slocum (1984) pula menyatakan menjadi satu kelaziman pendekatan kontingensi merupakan cadangan bahawa prestasi adalah

padan atau sesuai dengan beberapa faktor, iaitu: struktur, warga, teknologi, strategi dan budaya.

Terdapat kesepakatan pemboleh ubah kontingensi yang digunakan di antara penyelidik-penyelidik di dalam bidang sistem perakaunan pengurusan, sistem maklumat perakaunan dan perakaunan pengurusan (Tosi dan Slocum, 1984; Weill dan Olson, 1989; Rayburn dan Rayburn, 1991; Chenhall, 2003), iaitu: persekitaran dan teknologi. Manakala, pemboleh ubah lain yang sering digunakan di kalangan para penyelidik sebagai tambahan kepada pemboleh ubah kontingensi iaitu: struktur (Tosi dan Slocum, 1984; Weill dan Olson, 1989; Chenhall, 2003); strategi (Tosi dan Slocum, 1984; Weill dan Olson, 1989; Chenhall, 2003); saiz (Chenhall, 2003; Weill dan Olson, 1989); budaya (Chenhall, 2003; Tosi dan Slocum, 1984); karakter individu (Weill dan Olson, 1989); tugas (Weill dan Olson, 1989); bangsa (Tosi dan Slocum, 1984); atribut organisasi (Rayburn dan Rayburn, 1991); dan cara pembuatan keputusan (Rayburn dan Rayburn, 1991).

Thomas (1991) menjelaskan bahawa teori kontingensi menjadi penting sebagai medium bagi menerangkan perbezaan dalam struktur organisasi. Pemilihan pihak pengurusan bagi praktis pelaporan kewangan korporat adalah bergantung kepada perbezaan desakan sesebuah entiti (Thomas, 1991). Thomas (1986) menyatakan reka bentuk organisasi bergantung kepada ketidakpastian persekitaran, teknologi dan saiz organisasi. Thomas (1991) menjelaskan lagi bahawa terdapat empat pemboleh ubah kontingensi yang memberi kesan kepada sistem pelaporan kewangan korporat iaitu: sosial, persekitaran, ciri syarikat atau atribut organisasi, dan ciri pengguna dan sumber maklumat yang lain. Sepertimana Thomas (1991), Xiao *et al.*, (1996) menyatakan terdapat beberapa faktor kontingensi yang membentuk organisasi. Antaranya ialah: persekitaran perniagaan, teknologi, saiz, strategi pelaporan dan budaya.

Faktor kontingensi ialah pemboleh ubah yang membezakan hubungan antara penggunaan teknologi maklumat dengan pelaporan kewangan korporat dan boleh digunakan untuk menggambarkan arah aliran dan darjah hubungan sebab akibat (Xiao *et al.*, 1996) iaitu: persekitaran perniagaan, ciri organisasi, politik, sosial, ekonomi dan teknologi.

Justeru, pemboleh ubah kontingensi yang berpengaruh dalam pemilihan pihak pengurusan dalam pelaporan kewangan korporat (Thomas, 1991; Xiao *et al.*, 1996) ialah persekitaran dan ciri syarikat. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan di sini bahawa penulis menjangkakan bahawa pemboleh ubah kontingensi yang berpengaruh dalam pelaporan maklumat korporat ialah persekitaran, teknologi dan strategi pelaporan.

Model kontingensi sistem pelaporan kewangan korporat

Sepertimana yang dibincangkan sebelum ini, Thomas (1991) menyatakan bahawa terdapat empat pemboleh ubah kontingensi yang memberi kesan kepada sistem pelaporan kewangan korporat, iaitu: (1) sosial, (2) persekitaran, (3) ciri syarikat atau atribut organisasi, dan (4) ciri pengguna dan sumber maklumat yang lain. Menurut Thomas (1991), pemboleh ubah sosial merujuk kepada keputusan yang menyumbang kepada perbezaan atau persamaan praktis pelaporan di sesebuah negara adalah disebabkan oleh sistem ekonomi, perundangan dan politik sesebuah negara. Ketiga-tiga sistem ini turut mempengaruhi sistem pelaporan syarikat. Bagi negara yang dikawal oleh kerajaan, sistem pelaporannya adalah seragam bertujuan untuk memperuntukkan sumber melalui perancangan dan kawalan pusat. Ini adalah berbeza dengan negara yang mengamalkan sistem ekonomi campuran. Hasil kajian Barrett (1976) melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi maklumat yang dilaporkan dalam laporan

tahunan antara syarikat di United Kingdom dan Amerika Syarikat serta negara-negara lain seperti Perancis, Switzerland dan Jepun.


Thomas (1991) menjelaskan bahawa pemboleh ubah persekitaran terdiri daripada tiga dimensi *stable-dynamic*, dimensi *homogeneous-heterogeneous* dan dimensi *hostility*. Dimensi *stable-dynamic* merujuk kepada kestabilan dan jangkaan terhadap citarasa pengguna dan tindakan pesaing (contohnya keluaran baru) dan sejauhmana perubahan teknologi dan sumber penawaran. Dimensi *homogeneous-heterogeneous* merujuk pasaran yang berbeza bagi produk. Apabila *heterogeneous* meningkat (terdapat pelbagai pasaran), sistem perakaunan yang diamalkan perlu diselaraskan dengan subsegmen persekitaran, dan maklumat yang dilaporkan dibahagikan mengikut pasaran bagi membolehkan pelabur menilai sumbangan setiap pasaran. Contoh pelaporan bagi dimensi ini ialah pelaporan bersegi. Dimensi *hostility* pula merujuk kepada persaingan pasaran bagi produk dan ancaman kekurangan sumber disebabkan oleh mogok yang mana syarikat akan kurang melaporkan maklumat untuk mengelak pesaing mengambil peluang daripada maklumat yang dilaporkan.

Pemboleh ubah ciri-ciri syarikat diterangkan dalam bentuk sumber-sumber yang dimiliki oleh syarikat dan bagaimana ianya diuruskan (Thomas, 1991). Thomas (1991) mengenal pasti lima ciri syarikat iaitu struktur organisasi, saiz, intensif modal, keupayaan dan struktur pemilikan. Malahan, beliau menjelaskan lagi iaitu pemboleh ubah ciri-ciri pengguna merujuk kepada perbezaan keutamaan terhadap maklumat, kebolehan memproses maklumat, gaya pembuatan keputusan dan keperibadian pembuat keputusan itu sendiri. Thomas (1991) juga menyatakan bahawa terdapat empat ciri pengguna iaitu model keputusan pengguna, cara pembuatan keputusan, ciri kognitif, dan tanggapan pengguna terhadap perakaunan dan lain-lain sumber maklumat.

Pemboleh ubah yang dibincangkan dalam model sepertimana dicadangkan oleh Thomas (1991) mempengaruhi sistem pelaporan kewangan korporat dari segi:

- (1) Pelaporan, pengkelasan, persembahan, penilaian dan keperluan pengukuran bagi sesebuah negara. Pelaporan maklumat akan dipengaruhi oleh corak pembiayaan syarikat, sistem ekonomi negara berkaitan pemilikan serta pengeluaran dan bagaimana maklumat perakaunan digunakan dalam perancangan dan kawalan, dan sebagainya.
- (2) Kekerapan pelaporan (amaun maklumat yang dilaporkan dalam laporan interim tahunan berbeza), kaedah pengukuran (contoh: pengukuran kewangan atau bukan kewangan), kaedah peruntukan kos (contoh: belanja atau dipermodalkan, tempoh perlunasan dan sebagainya), elemen masa (contoh ramalan), darjah agregat dan decentralisasi (contoh: akaun gabungan dan pelaporan bersegi). Semua ini dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan ciri-ciri syarikat.
- (3) Kaedah pelaporan (penyataan, carta dan diagram), *cognitive complexity* (contoh kebolehbacaan) dan pendedahan laporan bagi tujuan tertentu (contoh *simplified accounts*). ianya berkaitan dengan ciri pengguna dan sumber maklumat lain.

Model kontingensi sistem pelaporan kewangan korporat sepertimana yang dicadangkan oleh Thomas (1991) sepertimana dipaparkan di Rajah 1.




Rajah 1: Model Kontingensi Sistem Pelaporan Kewangan Korporat Sumber: Thomas (1991)

Thomas (1986) menjelaskan bahawa kebanyakan teori struktur organisasi mengenal pasti tiga pemboleh ubah utama kontingensi yang memberi kesan kepada pemilihan kaedah perakaunan, iaitu: (1) persekitaran, (2) teknologi, dan (3) saiz syarikat. Hasil kajian Thomas (1986) menunjukkan bahawa pelaporan bagi ramalan maklumat mempunyai hubungan dengan persekitaran *homogeneity*, dan praktis pengukuran tertentu dipengaruhi oleh saiz syarikat.

Berdasarkan kepada model kontingensi sistem pelaporan kewangan korporat yang dicadangkan oleh Thomas (1991), terdapat dua pemboleh ubah yang dipercayai oleh penulis memberi kesan kepada pemilihan pihak pengurusan dalam mengamalkan PKMI, iaitu pemboleh ubah persekitaran organisasi dan ciri-ciri organisasi. Seterusnya, pemboleh ubah teknologi turut dipercayai mempunyai hubungan dengan praktis PKMI berdasarkan hasil empirikal Thomas (1986). Sehubungan dengan itu, penulis berpendapat bahawa terdapat beberapa pemboleh ubah kontingensi iaitu persekitaran, teknologi dan strategi pelaporan yang berpengaruh dalam pemilihan pihak pengurusan bagi mengamalkan PKMI.

Model penyelidikan dan hipotesis

Kajian yang melibatkan faktor kontingensi secara meluas meneliti bahawa faktor persekitaran, teknologi dan strategi pelaporan berkemungkinan dijangka akan mempengaruhi praktis PKMI. Indeks pelaporan ialah pemboleh ubah bersandar dalam model penyelidikan. Manakala, faktor kontingensi merupakan pemboleh ubah bebas dalam model penyelidikan. Indeks pelaporan digunakan dalam model penyelidikan ini bagi mengukur tahap PKMI bagi sesebuah syarikat yang mempraktikkan PKMI. Model kontingensi bagi PKMI ditunjukkan di Rajah 2 dan dibincangkan dalam bahagian seterusnya. Secara keseluruhan, tiga pemboleh ubah dalam faktor kontingensi yang dicadangkan dalam model penyelidikan sepertimana dipaparkan di Rajah 2.



Rajah 2: Model Kontingensi bagi Pelaporan Kewangan menerusi Internet

Faktor kontingensi

Teori kontingensi menyatakan bahawa pemilihan sistem perakaunan dalaman oleh pihak pengurusan bergantung kepada desakan yang berbeza-beza ke atas entiti (Rayburn dan Rayburn, 1991). Malahan, Rayburn dan Rayburn (1991) menyatakan bahawa teori kontingensi berasaskan premis bahawa secara umumnya tiada satu sistem perakaunan yang sesuai diaplikasikan dengan sama rata kepada semua organisasi dalam apa jua keadaan. Zeithaml, *et al.*, (1988) memberi contoh bahawa ahli teori dan penyelidik pengurusan mengenal pasti lebih daripada satu cara untuk mengurus secara efektif, lebih daripada satu strategi untuk memaksimumkan keuntungan dan mengukuhkan kedudukan pasaran, dan lebih daripada satu cara kepimpinan bagi mencapai matlamat organisasi. Tambahan lagi, setiap cara tidak mempunyai keberkesanan yang sama dalam pelbagai keadaan; sesetengah tindakan atau maklum balas organisasi lebih bersesuaian kepada organisasi bergantung kepada keadaan dan persekitaran (Galbraith, 1977).

Antara pemboleh ubah kontingensi yang digunakan oleh penyelidik (Gordon dan Miller, 1976; Hayes, 1977, Waterhouse dan Tiessen, 1978) ialah atribut berorganisasi, persekitaran dan teknologi, dan cara pembuatan keputusan. Manakala, faktor kontingensi ialah pemboleh ubah yang membezakan hubungan antara penggunaan teknologi maklumat dengan pelaporan kewangan korporat dan boleh digunakan untuk menggambarkan arah aliran dan darjah hubungan sebab akibat (Xiao *et al.*, 1996) iaitu persekitaran perniagaan, ciri organisasi, politik, sosial, ekonomi dan teknologi. Malahan, Waterhouse dan Tiessen (1978) menegaskan bahawa pada dasarnya teori kontingensi keberkesanan struktur organisasi berbeza dengan faktor konteks berkenaan organisasi seperti teknologi dan persekitaran. Dalam artikel ini, faktor kontingensi yang berkemungkinan dijangka mempengaruhi tahap PKMI ialah persekitaran, teknologi dan strategi pelaporan.

Persekitaran

Pelaporan kewangan korporat berkemungkinan menunjukkan ciri yang sama atas alasan yang mungkin sama (Thomas, 1986). Konsep berhati-hati menetapkan bahawa faedah pada masa

hadapan adalah tidak pasti atau sukar untuk diramal dengan tepat, kos sepatutnya dihapus kira dalam tahun ianya berlaku (Thomas, 1986). Malahan, apabila persekitaran dinamik meningkat, syarikat dengan sistem maklumat perakaunan yang efisien akan meningkatkan kekerapan pelaporan (Gordon dan Miller, 1976). Thomas (1986) pula menjelaskan bahawa kebanyakan teori struktur organisasi mengenal pasti sama ada tiga pemboleh ubah utama kontingensi memberi kesan kepada pemilihan kaedah perakaunan bergantung kepada persekitaran, teknologi dan saiz syarikat. Hasil kajian Thomas (1986) menunjukkan bahawa pelaporan bagi ramalan maklumat mempunyai hubungan dengan persekitaran *homogeneity*, dan praktis pengukuran tertentu dipengaruhi oleh saiz syarikat. Manakala, syarikat yang beroperasi di dalam persekitaran *homogeneous* akan lebih mudah dipengaruhi kepada perubahan dalam permintaan dan teknologi (Thomas, 1986).

Risiko pasaran (risiko sistematik atau beta) merupakan penentu yang penting bagi kos modal, dan pelaporan merupakan salah satu cara untuk meringankan seperti risiko dan, pengurangan kos modal (Botosan, 1997; Sengupta, 1998). Risiko pasaran atau sistematik (diukur dengan beta syarikat) boleh dianggap sebagai pemboleh ubah bebas untuk menerangkan pelaporan secara sukarela (Marston dan Polei, 2004). Syarikat yang mempunyai nilai beta yang tinggi dalam tahun pelaporan dijangka akan mendedahkan lebih maklumat menerusi Internet (Debreceny *et al.*, 2002). Oleh yang demikian, kajian menjangkakan bahawa syarikat yang mempunyai risiko sistematik yang tinggi akan lebih melaporkan maklumat kewangan berbanding syarikat yang mempunyai risiko sistematik yang rendah. Oleh yang demikian, hipotesis pertama yang dicadangkan ialah:

H₁: Syarikat yang berisiko tinggi akan melaporkan lebih maklumat kewangan menerusi Internet berbanding syarikat yang berisiko rendah

Teknologi

Berpandukan kepada kerangka kerja OECD (1999), syarikat berteknologi rendah didapati berada dalam kumpulan industri melibatkan penggunaan teknologi yang kurang sophisticated dan kurang sensitif kepada perubahan. Antaranya, termasuklah industri peruncitan, hartanah dan perlancongan. Syarikat berteknologi sederhana pula terdiri daripada industri yang mempunyai teknologi yang lebih sophisticated tetapi teknologi tersebut pada umumnya lebih stabil; sebagai contoh, industri kejuruteraan dan automatif. Syarikat berteknologi tinggi pula merupakan industri yang tidak hanya mempunyai teknologi sophisticated tetapi sensitif kepada perubahan di dalam teknologi termasuklah syarikat dalam industri komputer, elektronik, farmasi dan telekomunikasi.

Semakin tinggi amaun bagi ilmu pengetahuan spesifik dalam sesuatu industri, semakin tinggi kos agensi bagi industri tersebut (Jensen dan Meckling, 1995). Syarikat berteknologi tinggi (sebagai contoh, komputer, elektronik, komunikasi) dengan *soft assets*; seperti penyelidikan dan modal intelek, sumber manusia, program penyelidikan dan pembangunan, akan mendedahkan lebih banyak maklumat (Healy dan Palepu, 1993; Amir dan Lev, 1996). Bagi syarikat berteknologi tinggi, bilangan pendapatan berkemungkinan tidak menunjukkan prospek masa hadapan bagi syarikat. Maklumat tersebut bukan sahaja gagal untuk menyampaikan potensi pertumbuhan pada masa hadapan bagi syarikat, tetapi tidak cukup tepat pada masanya bagi pembuatan keputusan berdasarkan sifat masanya. Syarikat ini lebih bergantung kepada perubahan yang cepat dalam teknologi dan persekitaran perniagaan. Penggunaan medium pengantaraan masa kini seperti Internet boleh membenarkan pelbagai aspek dan kekerapan pelaporan dalam pembangunan bagi teknologi baru dan interaksi bagi syarikat dengan persekitaran (Debreceny *et al.*, 2002). Maka, hipotesis seterusnya yang dicadangkan ialah:

H₂: Syarikat yang menggunakan teknologi tinggi melaporkan lebih maklumat kewangan menerusi Internet berbanding dengan syarikat yang menggunakan teknologi rendah.

Strategi pelaporan kewangan

Gibbins *et al.*, (1990) menghipotesis bahawa strategi pelaporan merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi output pelaporan. Terdapat dua dimensi bagi strategi pelaporan, iaitu: ¹*ritualism*, kecenderungan ke arah kesetiaan untuk menentukan norma pelaporan seperti peraturan dan piawaian; dan ²*opportunism*, kecenderungan untuk mencari kelebihan spesifik firma di dalam pelaporan kewangan. *Ritualism* diertikan sebagai pelaporan yang statik, atau dengan kata lain pelaporan setakat apa yang perlu diketahui sahaja. Manakala, *opportunism* ditakrifkan sebagai pelaporan yang dinamik, atau bermaksud sebagai pelaporan tambahan yang melebihi daripada pelaporan yang minimum atau diperlukan.

Gibbins *et al.*, (1990) menjelaskan bahawa pemboleh ubah strategi pelaporan, dimensi kedua iaitu *opportunism* mempunyai haluan atau arah tuju yang berbeza sama ada menahan maklumat daripada diketahui atau pelaporan maklumat tambahan melebihi keperluan minimum. Pindaan ini mencipta pemboleh ubah ordinal dengan tiga tahap, iaitu: menahan maklumat daripada diketahui (terutamanya yang tidak memuaskan), terhad patuh kepada keperluan pelaporan minimum, dan melaporkan maklumat tambahan, yang mana kerahsiaan dibenarkan.

Tambahan lagi, Gibbins *et al.*, (1990) menerangkan bahawa syarikat dengan pendekatan strategi *ritualism* berkemungkinan secara pasif menggunakan teknologi maklumat bagi tujuan penggunaan keperluan profesional atau perundangan. Manakala, bagi syarikat yang menggunakan pendekatan strategi *opportunism* akan menggunakan Internet melalui pelaporan dengan melaporkan melebihi apa yang diperlukan dan turut menggunakan teknologi semasa bagi tujuan untuk melaporkan maklumat kepada para pengguna. Maka, hipotesis yang dicadangkan ialah seperti berikut:

H₃: Syarikat yang menggunakan pendekatan strategi *opportunism* akan melaporkan lebih maklumat kewangan menerusi Internet berbanding dengan syarikat yang menggunakan pendekatan strategi *ritualism*.

Kesimpulan dan hala tuju kajian akan datang

Artikel ini cuba membincangkan hubung kait antara faktor kontingensi dengan praktis PKMI. Berdasarkan kepada pengamatan sorotan literatur, penulis berpendapat bahawa faktor kontingensi dilihat berupaya untuk menjelaskan perkaitan antara tahap PKMI dan faktor penentu yang mempengaruhi praktis PKMI.

Bagi memudahkan perbincangan, artikel ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian utama perbincangan. Bahagian pertama membincangkan pengklasifikasian PKMI secara umum berdasarkan kepada hasil kajian terdahulu. Bahagian kedua cuba mengulas mengenai hubung kait antara faktor kontingensi dengan praktis PKMI menggunakan model yang dicadangkan oleh Thomas (1991) sebagai asas perbincangan. Bahagian akhir memberi cadangan kepada satu model penyelidikan berhubung dengan faktor kontingensi dengan praktis PKMI. Model penyelidikan ini mencadangkan tiga pemboleh ubah yang dirasakan penting dan mempengaruhi pihak pengurusan bagi menentukan praktis PKMI. Tiga pemboleh ubah faktor kontingensi ialah persekitaran organisasi, teknologi dan strategi pelaporan.

Berdasarkan kepada hujah-hujah yang diberikan dalam pembentukan hipotesis-hipotesis berkaitan model penyelidikan yang dicadangkan, satu kajian empirikal diperlukan bagi mengesahkan hubungan ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut dengan praktis PKMI. Pembuktian secara empirikal ini akan memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada sorotan literatur dalam bidang PKMI. Malahan, pembuktian secara empirikal tersebut mampu untuk memberi penjelasan, penerangan dan ramalan terhadap sistem pelaporan kewangan korporat. Pembuktian secara empirikal turut dijangka akan memberi input yang lebih berguna kepada pihak pengurusan syarikat untuk mempraktikkan PKMI dan sesiapa sahaja yang berminat untuk melabur di Bursa Malaysia bagi membuat keputusan yang lebih menyeluruh, bersepadu dan holistik.

Rujukan

- Abdul Hamid, F.Z. dan Md Salleh, M.S. (2005). The Determinants of the Investor Relations Information in the Malaysian Companies' Website. *Corporate Ownership dan Control*, 3(1), 173-185.
- Ali Khan, M.N.A. dan Ismail, N.A. (2006). Penggunaan internet dalam menyalurkan maklumat korporat. *Jurnal Kemanusiaan*, 9, 25-37.
- Amir, E. dan Lev, B. (1996). Value-relevance of nonfinancial information: The wireless communications industry. *Journal of Accounting and Economics*, 22(1-3), 3-30.
- Ashbaugh, H., Johnstone, K.M. dan Warfield, T.D. (1999). Corporate reporting on the Internet. *Accounting Horizons*, 13(3), 241-257.
- “Audit group urges framework to monitor financial reporting process” dlm. The Star, 13 Mei 2009.
- Barac, K. (2004). Financial reporting on the internet in South Africa. *Meditari Accountancy Research*, 12(1), 1-20.
- Beattie, V. dan Pratt, K. (2003). Issues concerning web-based business reporting: an analysis of the views of interested parties. *The British Accounting Review*, 35, 155-187.
- Bonson, E. dan Escobar, T. (2006). Digital reporting in Eastern European: An empirical study. *International Journal of Accounting Information System*, 7, 299-318.
- Botosan, C.A. (1997). Disclosure level and the cost of equity capital. *The Accounting Review*, 72(3), 323-349.
- Celik, O., Ecer, A. dan Karabacak, H. (2006). Impact of firm specific characteristics on the Web-based business reporting: evidence from the companies listed in Turkey. *Problems and Perspectives in Management*, 4(3), 100-133.
- Chan, W.K. dan Wickramasinghe, N. (2006). Using the internet for financial disclosure: the Australian experience. *International Journal Electronic Finance*, 2(1), 118-150.
- Chenhall, R.H. (2003). Management control systems design within its organizational context: findings from contingency-based research and directions for the future. *Accounting, Organizations and Society*, 28(2/3), 127-168.

- Craven, B.M. dan Marston, C.L. (1999). Financial reporting on the Internet by leading UK companies. *The European Accounting Review*, 8(2), 321-333.
- Debreceeny, R., Gray, G.L. dan Rahman, A. (2002). The determinants of internet financial reporting. *Journal of Accounting and Public Policy*, 21(4-5), 371-394.
- Deller, D., Stubenrath, M. dan Weber, C. (1999). A survey on the use of the internet for investor relations in the USA, the UK and Germany. *The European Accounting Review*, 8(2), 351-364.
- Donaldson, L. (2000). *The contingency theory of organization*. London: Sage Publishing Co.
- Ettredge, M., Richardson, V.J. dan Scholz, S. (2001). The presentation of financial information at corporate Web sites. *International Journal of Accounting Information Systems*, 2, 149-168.
- FASB (2000). *Business reporting research project: Electronic distribution of business reporting information*. Steering Committee Report Series. Financial Accounting Standards Board.
- Flynn, G. dan Gowthorpe, C. (1997, July). *Volunteering financial data on the World Wide Web. A study of financial reporting from a stakeholder perspective*. Paper presented at the 1st Financial Reporting and Business Communication Conference, Cardiff, 3/4.
- Ford, R. C., Armandi, B. R. dan Heaton, C. P. (1988). *organization theory: an integrative approach*. Harper dan Row, New York, NY.
- Galbraith, J. (1973). *Designing complex organizations*. Addison-Wesley, Reading, MA.
- Galbraith, J. (1977). *Organisational design*. Addison-Wesley, Reading, Mass.
- Gibbins, M., Richardson, A. dan Waterhouse, J. (1990). The management of corporate financial disclosure: opportunism, ritualism, policies, and processes. *Journal of Accounting Research*, 28(1), 121-143.
- Gordon, L.A. dan Miller, D. (1976). A contingency framework for the design of accounting information system. *Accounting, Organizations and Society*, 1(1), 59-69.
- Gowthorpe, C. dan Amat, O. (1999). External reporting of accounting and financial information via the Internet in Spain. *The European Accounting Review*, 8(2), 365-371.
- Gowthorpe, C. dan Flynn, G. (1997). Reporting on the web: the state of the art, *Accountancy*, 68-69.
- Gray, G.L. dan Debreceeny, R.S. (1997, November). *Corporate reporting on the internet: opportunities and challenges*. Paper presented at the Seventh Asian-Pacific Conference on International Accounting Issues, Bangkok, Thailand.
- Haniffa, M.H. dan Ab. Rashid, H. (2005). The determinants of voluntary disclosures in Malaysia: The case of internet financial reporting. *UNITAR E-Journal*, 2(1), 22-42.

- Hassan, S, Jaaffar, N., Johl, S.K. dan Mat Zain, M.N. (1999). Financial reporting on the internet by Malaysian companies: Perceptions and practices. *Asia-Pacific Journal of Accounting*, 6(2), 299-319.
- Hayes, D. (1977). The contingency theory of managerial accounting. *The Accounting Review*, LII(1), 22-39.
- Healy, P.M. dan Palepu, K.G. (1993). The effect of firms' financial disclosure strategies on stock prices. *Accounting Horizons*, 7(1), 1-11.
- Hedlin, P. (1999). The internet as a vehicle for investor relations: the Swedish case. *The European Accounting Review*, 8(2), 373-381.
- Huizingh, E.K.R.E. (2000). The content and design of web sites: an empirical study. *Information dan Management*, 37, 123-134.
- Jensen, M.C. dan Meckling, W.H. (1995). Specific and general knowledge, and organizational structure. *Journal of Applied Corporate Finance*, 8(2), 4-18.
- Joshi, P.L. dan Al-Bastaki, H. (2000). Factors Determining financial reporting on the internet by banks In Bahrain. *Review of Accounting Information Systems*, 4(3), 63-74.
- Joshi, P.L. dan Al-Modhahki, J. (2003). Financial reporting on the internet: empirical evidence from Bahrain and Kuwait. *Asia-Pacific Journal of Accounting*, 11(1), 88-101.
- Kast, F. dan Rosenzweig, J. (1973). *Contingency views of organization and management*. Science Research Associates, Chicago.
- Kelton, A.S. dan Yang, Y. (2008). The impact of corporate governance on Internet financial reporting. *Journal of Accounting and Public Policy*, 27(1), 62-87.
- Khadaroo, M. I. (2005). Business reporting on the internet in Malaysia and Singapore: A comparative study. *Corporate Communications: An International Journal*, 10(1), 58-68.
- Lawrence, P. R. dan Lorsch, J. W. (1967). *Organization and environment: managing differentiation and integration*. Harvard Business School, Boston, MA.
- Louwers, T.W., Pasewark, W. dan Typpo, E. (1996). Silicon valley meets Norwalk. *Journal of Accountancy*, 186, 20-24.
- Lymer, A dan Tallberg, A. (1997, April). *Corporate reporting and the internet - a survey and commentary on the use of the WWW in corporate reporting in the UK and Finland*. Paper presented at the Annual Congress of the European Accounting Congress, Graz, Austria.
- Lymer, A., Debreceny, R., Gray, G. L. dan Rahman, A. (1999). *Business reporting on the internet*. IASC Research Report.

- Marston, C. dan Polei, A. (2004). Corporate reporting on the Internet by German companies. *International Journal of Accounting Information System*, 5, 285-311.
- Marston, C.L. dan Leow, C.Y. (1998), Financial reporting on the Internet by leading UK companies. Paper presented at the 21st Annual Congress of the European Accounting Association, Antwerp, Belgium.
- Mohamad, R., Mohamed, M. dan Mohamed, A. (2003). Internet Financial Reporting (IFR) in Malaysia: A survey of contents and presentations. Paper presented at *Accounting Seminar 2003*, Putra Palace, Kangar, Perlis, December 8-10, 2003.
- Molero, L.J., Prado, M.A., dan Sevillano, M.F. (1999). *The presentation of financial statements through the internet: analysis of the most significant companies in Spain*. Paper presented at the 22nd Annual Congress of the European Accounting Association, Bordeaux, France.
- Momany, M.T. dan Al-Shorman, S.A. (2006). Web-Based voluntary financial reporting of Jordanian companies. *International Review of Business Research Papers*, 2(2), 127-139.
- OECD. (1999). OECD Science, Technology and Industry Scoreboard 1999: Benchmarking Knowledge-based Economic. Organization for Economic Cooperation and Development. Retrieved December 8, 2007, from http://www.oecd.org/dsti/sti/stat-ana/prod/scorebd_summ.htm
- Oyelere, P., Laswad, F. dan Fisher, R. (2003). Determinants of internet financial reporting by New Zealand Companies. *Journal of International Financial Management and Accounting*, 14(1), 26-61.
- Pervan, I. (2005). Financial reporting on the internet and the practice of Croatian joint stock companies quoted on the stock exchange. *Financial Theory and Practice*. 29(2), 159-174.
- Pervan, I. (2006). Voluntary financial reporting on the internet- analysis of the practice of stock-market listed Croatian and Slovene Joint Stock companies. *Financial Theory and Practice*. 30(1), 1-27.
- Petravick, S. dan Gillett, J. (1996). Financial reporting on the World Wide Web. *Management Accounting*, 26-29.
- Pirchegger, B. dan Wagenhofer, A. (1999). Financial information on the Internet: a survey of the homepages of Austrian companies. *The European Accounting Review*, 8(2), 383-395.
- Rayburn, J. M. dan Rayburn, L. G. (1991). Contingency theory and the impact of new accounting technology in uncertain hospital environments. *Accounting, Auditing, Accountability Journal*, 4(2), 55-75.
- Sari, R.N., Ainuddin, R.A. dan Tengku Abdullah, T.A. (2006). kesan padanan antara perakaunan pengurusan strategik dengan strategi perniagaan terhadap prestasi firma. *Jurnal Pengurusan*, 25, 87-109.

- Schoonhoven, C.B. (1981). Problems with contingency theory: testing assumptions hidden within the language of contingency theory. *Administrative Science Quarterly*, 26(3), 349-377.
- Scott, W.R. (1987). *Organizations, rational, natural and open systems* (2nd ed.). Prentice-Hall International, London.
- Sengupta, P. (1998). Corporate disclosure quality and the cost of debt. *The Accounting Review*, 73(4), 459-474.
- Sortur, S. (2006). Financial reporting on internet. *The Chartered Accountant*, 996-1006.
- Thomas, A.P. (1986). the contingency theory of corporate reporting: some empirical evidence. *Accounting, Organizations and Society*, 11(3), 253-270.
- Thomas, A.P. (1991). towards a contingency theory of corporate financial reporting systems. *Accounting, Auditing dan Accountability Journal*, 4(4), 40-57.
- Tosi, H.L. dan Slocum, J.W. (1984). Contingency theory: some suggested directions. *Journal of Management*, 10(1), 9-26.
- Trites, G. (1999). *The impact of technology on financial and business reporting*. Canadian Institute of Chartered Accountants.
- Waterhouse, J.H. dan Tiessen, P.A. (1978). A contingency framework for management accounting systems research. *Accounting, Organizations and Society*, 3(1), 65-76.
- Weill, P. dan Olson, M.H. (1989). An assessment of the contingency theory of management information systems. *Journal of Management Information Systems*, 6(1), 59-85.
- Xiao, J.Z., Jones, M.J. dan Lymer, A. (2002). Immediate trends in Internet reporting. *European Accounting Review*, 11(2), 245-276.
- Xiao, Z., Dyson, J.R. dan Powell, P.L. (1996). The impact of information technology on corporate financial reporting: A contingency perspective. *British Accounting Review*, 28(3), 203-227.
- Xiao, Z., Sangster, A. dan Dodgson, J. H. (1997). The relationship between information technology and corporate financial reporting. *Information Technology dan People*, 10(1), 11-30.
- Zeithaml, V.A., Varadarajan, P.R. dan Zeithaml, C.P. (1988). The contingency approach: its foundations and relevance to theory building and research in marketing. *European Journal of Marketing*, 22(7), 37-64.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih terutama kepada Prof. Dr. Zakaria bin Abas, Dr. Mohamad Hisyam bin Selamat dan Dr. Shamharir bin Abidin di atas pandangan yang membina semasa sesi pembentangan di 1st *Symposium on Postgraduate Research* 2008 di

Pusat Konvensyen, Universiti Utara Malaysia pada 22-23 Jun 2008 anjuran Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah Darul Aman. Penulis turut merakamkan ribuan terima kasih atas pandangan dan maklum balas daripada peserta di *3rd International Borneo Business Conference (IBBC) 2008* di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu, Sabah pada 15-17 Disember 2008 anjuran bersama Sekolah Perniagaan, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Sarawak. Penulis turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pn. Norhayati bte Hj. Salleh dan En. Mohd. Azhar bin Abd. Hamid di atas pengeditan artikel ini.